

Hutang Malaysia RM242.2 bilion pada 2006

KUALA LUMPUR 25 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan mempunyai hutang dalam dan luar negara berjumlah RM242.2 bilion atau 44.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir tahun lalu berbanding RM228.7 bilion atau 46.2 peratus pada 2005.

Perdana Menteri berkata, daripada jumlah itu, RM217.2 bilion atau 89.7 peratus merupakan hutang dalam negara manakala RM25 bilion atau 10.3 peratus lagi adalah hutang luar negara.

Menurut beliau, kerajaan memastikan semua hutang itu diuruskan secara berhemat dan segala aspek mengenai paras keseluruhan hutang, struktur hu-

tang dan obligasi melunaskan hutang oleh sektor awam dan swasta sentiasa dipantau.

"Sumber hutang dari dalam negara diperoleh daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan institusi keselamatan sosial manakala hutang luar negara pula diperoleh daripada pasaran modal antarabangsa dan pengeluaran pinjaman projek daripada institusi multilateral dan bilateral," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Salahuddin Ayub (Pas-Kubang Kerian)** di Dewan Rakyat hari ini.

Salahuddin ingin mengetahui nilai sebenar hutang kerajaan dalam dan luar negara serta sumber hutang tersebut.

Ulm - 26/4/2007

Beliau juga mengemukakan soalan tentang berapa peratus KDNK negara yang diguna pakai untuk membayar hutang di dalam dan luar negara serta jumlah sebenar bayaran balik berkenaan.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia dikategorikan sebagai negara yang mempunyai hutang sederhana.

Langkah

Bagaimanapun, katanya, kerajaan telah mengamalkan langkah seperti meminimumkan pendedahan pinjaman kepada risiko pergerakan mata wang

asing, kejutan kadar faedah global dan perubahan sentimen di kalangan pelabur untuk melunaskan hutang-hutang berkenaan.

Perdana Menteri menambah, kerajaan telah membuat bayaran balik hutang dalam negara termasuk kadar faedah pada tahun lalu bernilai RM44.5 bilion iaitu 8.1 peratus daripada KDNK berbanding RM42.8 bilion atau 8.6 peratus pada 2005.

Bagi hutang luar negara pula, bayaran balik hutang adalah berjumlah RM31.3 bilion atau 5.7 peratus daripada KDNK pada 2006 berbanding RM32.8 bilion atau 6.6 peratus daripada KDNK pada 2005, kata beliau.